

**SIARAN AKHBAR**  
**17 Mac 2016**

## **EKUINAS SOKONG USAHA ILMU PEROLEH KEPENTINGAN PEMEGANG SAHAM MINORITI**

**Fakta Utama:** -

- Ekuinas menyokong usaha syarikat portfolio milik penuhnya, Ilmu Education Group Sdn Bhd (ILMU) untuk memperoleh baki kepentingan dalam tiga institusi pendidikannya, iaitu Kumpulan Pendidikan APIIT, Universiti Antarabangsa UNITAR dan Tenby Schools dengan pelaburan berjumlah RM363.2 juta sebagai sebahagian daripada strategi untuk mengukuhkan lagi portfolio pendidikannya.
- Ekuinas mengambil alih baki kepentingan 49% dalam Kumpulan Pendidikan APIIT (Kumpulan APIIT), yang merangkumi Asia Pacific Schools, Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) dan Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT), serta 37.6% dalam APIIT Sri Lanka dengan pelaburan berjumlah RM315 juta daripada Sapura Resources Berhad (SRB).
- Usaha berterusan Ekuinas untuk mengukuhkan kedudukan ILMU dalam industri pendidikan swasta turut merangkumi pemerolehan baki kepentingan 10% dalam Universiti Antarabangsa UNITAR pada nilai RM13 juta dan baki 30% kepentingan dalam Tenby Schools untuk RM35.2 juta.

**PETALING JAYA, 17 Mac 2016:** Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas), syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan Kerajaan, hari ini mengumumkan sokongan terhadap usaha syarikat portfolio milik penuhnya, Ilmu Education Group Sdn Bhd (ILMU) untuk memperoleh baki kepentingan dalam tiga institusi pendidikannya, iaitu Kumpulan Pendidikan APIIT (Kumpulan APIIT), Universiti Antarabangsa UNITAR dan Tenby Schools dengan pelaburan berjumlah RM363.2 juta sebagai sebahagian daripada strategi untuk mengukuhkan portfolio pendidikannya.

Ekuinas mengumumkan bahawa ILMU telah menandatangani perjanjian bersyarat dengan Sapura Resources Berhad (SRB) untuk memperoleh baki kepentingan 49% dalam Kumpulan Pendidikan APIIT (Kumpulan APIIT), yang terdiri daripada Asia Pacific Schools (APS), Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) dan Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT), serta 37.6% dalam APIIT Sri Lanka dengan pelaburan berjumlah RM315 juta.

Pada masa yang sama, Ekuinas juga telah memperoleh baki kepentingan 10% dalam Unitar Capital Sdn Bhd, pemilik dan pengendali Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR) pada nilai RM13 juta daripada pemegang saham minoriti, Shoraka Square Ltd (Shoraka).

Ekuinas turut mengambil alih sepenuhnya baki kepentingan 30% dalam Tenby Schools (Tenby) pada harga RM35.2 juta daripada pengasas/pengarah, Dato' Lim Si Boon yang telah membuat keputusan untuk menjual sahamnya tetapi kekal sebagai Pengarah Eksekutif syarikat.

Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad Raja Tun Uda berkata, "Memandangkan sektor Pendidikan merupakan salah satu daripada sektor pelaburan teras Ekuinas dan meliputi hampir 27% daripada portfolio pelaburan setakat ini, kami gembira dapat melaksanakan pemerolehan daripada pemegang saham minoriti dalam tiga institusi kami dengan pelaburan sebanyak RM363.2 juta. Ekuinas kini sedang rancak melaksanakan pelan penciptaan nilai untuk portfolio pendidikan kami di bawah ILMU dan langkah ini membawa kami semakin hampir ke arah mencapai wawasan kami bagi ILMU."

Sejak kemasukan Ekuinas, bilangan pelajar di ketiga-tiga institusi ini telah meningkat kepada 28,388 orang dengan hasil bergabung dianggarkan berjumlah RM362.6 juta pada 2015.

Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Syed Yasir Arafat Syed Abd Kadir mengulas lebih lanjut, "Pelaburan dalam Kumpulan APIIT, UNITAR dan Tenby Schools akan mengukuhkan lagi kedudukan kami dalam sektor pendidikan, sejajar dengan strategi Ekuinas untuk meletakkan ILMU dalam kalangan penyedia pendidikan swasta terbesar di Malaysia. Langkah terbaru ini akan memudahkan lagi usaha kami untuk melaksanakan penambahbaikan operasi di seluruh ILMU, dengan matlamat untuk mempercepatkan penyepaduan semua entiti dalam kumpulan sejak Ekuinas melancarkan kumpulan tersebut secara rasmi pada September lepas. Sebahagian daripada strategi ini termasuk menggiatkan inisiatif pengambilan pelajar dan pemasaran, meningkatkan penambahbaikan proses, dan menggantikan sistem pengurusan dengan sistem yang baharu dan ditambah baik, yang mana semua inisiatif kini berada pada pelbagai peringkat pelaksanaan."

ILMU yang memegang kesemua syarikat portfolio pendidikan Ekuinas, adalah sebuah penyedia pendidikan pelbagai jenama bersepadan dengan enam institusi tempatan dan satu di Sri Lanka. Institusi yang dimaksudkan ialah Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU), Universiti Antarabangsa UNITAR (UNITAR), Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC), Cosmopoint College (Cosmopoint), APIIT Sri Lanka, Tenby Schools dan Asia Pacific Schools. ILMU menyediakan pembelajaran menyeluruh di 21 kampus di Malaysia dan Sri Lanka kepada lebih 35,000 pelajar dari peringkat K-12 (prasekolah ke pendidikan menengah) sehingga ke peringkat pengajian tinggi.

Dengan pelaburan terbaru ini, Ekuinas telah melaksanakan 45 pelaburan setakat ini yang berjumlah RM2.8 bilion di bawah Pelaburan Langsung dan Program Penyumberan Luar. Menerusi pelaburan ini dan termasuk modal daripada pihak swasta, Ekuinas telah membantu kemasukan modal ekonomi bernilai lebih daripada RM3.4 bilion, yang menjana kesan positif terhadap ekonomi Malaysia.

- Tamat -

### Mengenai Ekuinas

Ekuinas (Ekuiti Nasional Berhad) ialah sebuah syarikat pengurusan dana ekuiti persendirian berkaitan kerajaan yang ditubuhkan pada 1 September 2009. Berbekalkan peruntukan RM5 bilion daripada Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9 dan Rancangan Malaysia ke-10, Ekuinas berhasrat melahirkan syarikat terkemuka generasi baru di Malaysia sambil menggalakkan penyertaan ekonomi Bumiputera yang saksama, berkesan dan berdaya maju. Setakat ini, Ekuinas telah melabur dalam syarikat Malaysia berpotensi tinggi yang terlibat dalam bidang barang pengguna laris, minyak dan gas, logistik, pendidikan, runcit serta makanan dan minuman.

### Mengenai Kumpulan Pendidikan ILMU (ILMU)

ILMU ialah syarikat induk bagi semua syarikat pendidikan dalam portfolio pelaburan Ekuinas. Kumpulan tersebut terdiri daripada tujuh institusi di Malaysia dan Sri Lanka, menyediakan pendidikan serba lengkap kepada lebih 35,000 pelajar di 21 kampus yang memenuhi keperluan pendidikan dari peringkat K-12 sehingga peringkat pengajian tinggi. Kini, portfolio institusi ILMU termasuk:

#### Pengajian Tinggi:

- Asia Pacific University of Technology & Innovation (APU) – APU ialah sebuah institusi pengajian tinggi terkemuka berlandaskan teknologi dan bertumpukan industri dengan penekanan terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman, manakala Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT) menawarkan pelbagai program merangkumi bidang Komputer, Teknologi and Kejuruteraan.
- University Antarabangsa UNITAR (UNITAR) – UNITAR telah berkembang maju untuk menjadi sebuah institusi terkenal dalam bidang sains sosial dan pendidikan awal kanak-kanak menerusi pendekatan pembelajaran tergabung di kampus utamanya di Kelana Jaya dan juga kerjasama pembelajaran jarak jauh dengan 10 Pusat Serantau Bebas (IRC) di seluruh negara.
- Kuala Lumpur Metropolitan University College (KLMUC) – KLMUC menawarkan pendidikan berinspirasi vokasional kepada pelajarnya. Fakulti-fakulti terasnya adalah Kreatif & Reka Bentuk, Pengajian Media, Pelancongan Hospitaliti & Kulineri dan Bisnes & Pengurusan yang menawarkan program agar dapat meningkatkan kebolehpekerjaan graduan-graduannya.
- Cosmopoint College (Cosmopoint) – Cosmopoint menawar pelajar-pelajarnya akses pada pengajian tinggi dan latihan khusus yang akan membantu mereka cemerlang dalam bidang vokasional dan akademik di 11 kampus di seluruh negara, termasuk Sabah dan Sarawak.
- APIIT Sri Lanka – APIIT Sri Lanka memperkuatkannya sebagai penyedia pengajian tinggi terkemuka yang berasaskan British di Colombo dan terus mengekalkan objektif penubuhannya sebagai institusi pembelajaran yang memupuk rasa ingin tahu kepada pelajarnya.

#### K-12:

- Asia Pacific Schools (APS) – APS, yang terdiri daripada Asia Pacific Smart School (APSS) dan Asia Pacific International School (APIS), menyediakan pendidikan yang termampu dan serba lengkap bermula dari peringkat prasekolah sehingga sekolah menengah dengan kurikulum kebangsaan dan antarabangsa.
- Tenby Schools (Tenby) - Tenby ialah salah sebuah sekolah swasta utama Malaysia yang menyediakan kurikulum tempatan dan antarabangsa di kampusnya yang bertempat di seluruh negara. Tenby mengendalikan lima sekolah swasta di Setia Eco Park, Ipoh, Pulau Pinang, Miri dan Johor Bahru, dengan kampus baru bakal dibuka pada September 2016 di Semenyih.

<b>Untuk Pertanyaan Media, sila hubungi:</b>	
Aimi Aziz Pengarah, Komunikasi 019-221 7007 <a href="mailto:aimi@ekuinás.com.my">aimi@ekuinás.com.my</a>	Anis Azharuddin Eksekutif Kanan, Komunikasi 012-2501 646 <a href="mailto:anis@ekuinás.com.my">anis@ekuinás.com.my</a>